



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

NOTA PERCAKAPAN TINJAUAN DAN MENYANTUNI KLIEN

TUJUAN

1. Hari ini saya telah turun menyantuni wanita-wanita yang terkesan semasa pandemik COVID-19.
2. Tujuan saya turun menyantuni para wanita ini bagi bertanya khabar dan meninjau keadaan serta keperluan mereka seterusnya melihat TINDAKAN INTERVENSI pihak Kementerian untuk membantu wanita ini meneruskan kelangsungan hidup.

MAKLUMAT KLIEN PERTAMA

3. Klien yang pertama merupakan seorang wanita warga emas berusia 69 tahun bernama Puan Latipah binti Ab Halim yang terlantar dan tidak mampu menguruskan diri. Beliau ditemani oleh suaminya yang tidak berupaya, anak bongsunya yang tidak bekerja dan bertanggungjawab menjaga 5 orang cucu yang ditinggalkan ibu bapanya akibat masalah rumahtangga seperti berikut:

- (i) Ahmad Rafiq Fitri B M.Hafiz (13 Tahun)
- (ii) Ahmad Raziq Fitri B M.Hafiz (13 Tahun)
- (iii) Ahmad Raqib Fitri B M.Hafiz (11 Tahun)
- (iv) Rizqa Hanini Bt M.Hafiz (9 Tahun)
- (v) Ahmad Rashid Fitri B M.Hafiz (5 Tahun)

4. Penama terlantar akibat **diserang strok pada Julai 2020**. Beliau tidak lagi mampu untuk menguruskan diri, dan memerlukan **bantuan tiub untuk minum susu dan perlu menggunakan pampers untuk membuang air**. Beliau hanya bergantung kepada sumbangan anak-anak yang tidak menentu untuk menyara kehidupan **dan pihak zakat ada memberi bantuan pampers dan susu**.

MAKLUMAT KLIEN NO.2

5. Klien kedua merupakan seorang wanita berumur 42 tahun, berkahwin dan **mempunyai enam (6) orang anak** (tiga (3) lelaki dan tiga (3) perempuan) seperti berikut:

- (i) Musa Amri B. Sharul Nizam (16 Tahun)
- (ii) Isa Mahdi B. Sharul Nizam (14 Tahun)
- (iii) Maryam Zulfa B. Sharul Nizam (11 Tahun)
- (iv) Sara Aesya B. Sharul Nizam (9 Tahun)
- (v) Hawa Khadeeja B. Sharul Nizam (6 Tahun)

(vi) Hud Hidayat Bin Sharul Nizam (3 Tahun)

6. Suami beliau berusia 44 tahun **mengalami strok dan terlantar sejak Mac 2021.** Suami beliau juga telah diberhentikan kerja dan menyebabkan mengalami tekanan.
7. Kini, **beliau terpaksa menanggung** pengurusan hal ehwal rumah tangga termasuk menjaga suami dan anak-anak yang masih kecil.
8. Suami beliau juga telah **disahkan sebagai Orang Kurang Upaya** (OKU) dan telah berdaftar dengan JKM.
9. Suami beliau **memerlukan bekalan pampers serta susu Annsure.** Selain itu dua (2) orang anak penama masih memerlukan susu jenis Dugro 123.

SUMBANGAN YANG DISAMPAIKAN

10. Pada hari ini saya telah menyampaikan bantuan kepada kedua-dua klien **seperti berikut:**

- (i) **Sumbangan Prihatin YKN kepada dua (2) klien iaitu RM500 kepada Puan Latifah dan RM500 kepada Puan Fatimah;**

- (ii) Surat Kelulusan Bantuan Pesakit Terlantar (BPT) mulai Ogos 2021 sebanyak RM500 sebulan;
- (iii) Surat Kelulusan Bantuan Kanak-Kanak (BKK) mulai Ogos 2021 sebanyak RM800 sebulan; dan
- (iv) Bantuan Susu Khusus dan Lampin Pakai Buang (PAMPERS) untuk Orang Dewasa dan Kanak-Kanak.
- (v) Bakul Prihatin Negara;
- (vi) Kotak Kasih YKN yang mengandungi makanan “ready-to-eat”
- (vii) Dua (2) Tablet untuk pembelajaran anak-anak; dan
- (viii) Khidmat sokongan Kaunseling.

11. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus menjaga kepentingan dan kebajikan kumpulan sasar khususnya Wanita, Warga Emas dan Kanak-kanak yang memerlukan khidmat sokongan dan bantuan agar kesejahteraan dan kebajikan mereka tidak terabai.

HARAPAN

12. Saya berharap, usaha ini dapat meringankan beban mereka yang sedang menghadapi saat sukar.
13. Diharapkan bantuan kewangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat dimanfaatkan untuk Kelangsungan Hidup dengan sempurna.
14. Saya berharap masyarakat turut menjadi “mata dan telinga” kepada pihak Kerajaan, dan terus memupuk sikap ambil peduli dan melaporkan nasib golongan yang memerlukan kepada Kementerian saya. Masyarakat boleh melaporkan terus ke Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam atau menghubungi PKMD yang berhampiran.

#MalaysiaPrihatin #PrihatinBersama

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Sehingga Jun 2021, jumlah penerima Bantuan Pesakit Kronik Terlantar/Penjagaan OKU Terlantar (BPT) Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 25,951 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM 80,363,114.00 juta (Perbelanjaan Januari – Jun 2021).

2. Manakala, bagi Bantuan Kanak-Kanak, seramai 62,837 Ketua Keluarga telah menerima bantuan dan melibatkan perbelanjaan RM 154,631,275.00 juta (Perbelanjaan Januari – Jun 2021).